

Polis rampas syabu, pil ekstasi RM355,000

B/HARIAN MS 55
9/1/19

Georgetown: Polis merampas dadah jenis syabu dan pil ekstasi bernilai RM355,000 selepas menahan dua lelaki di Flat Teluk Indah, Perai, awal pagi Ahad lalu.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata kedua-dua suspek ditahan pada jam 2.33 pagi.

Beliau berkata, terdahulu, sepasukan polis menahan sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) jenis Perodua Alza dipandu seorang lelaki tempatan berusia 32 tahun bersama dua penumpang lelaki warga Indonesia di jalan masuk kawasan flat itu selepas dilihat berada dalam keadaan mencurigakan.

"Anggota polis kemudian melakukan pemeriksaan dan meminta lesen serta dokumen pengenalan diri daripada pemandu serta penumpang hadapan dan belakang MPV itu.

"Bagaimanapun, penumpang hadapan tiba-tiba melarikan diri sebelum anggota polis terus mengejar-



[FOTO IHSAN POLIS]

Dadah dan pil ekstasi yang dirampas polis selepas menahan dua lelaki di Flat Teluk Indah, Perai, Ahad lalu.

nya. Namun, dia masih gagal dikesan hingga hari ini (semalam)," katanya ketika dihubungi.

Direman hingga Jumaat

Nik Ros Azhan berkata, susulan itu, polis melakukan pemeriksaan lanjut dan berjaya menemui beg galas disyaki dibawa penumpang belakang yang mengandungi dadah.

"Justeru, kita menahan pemandu MPV terbabit dan penumpang belakang

berusia 42 tahun.

"Mereka berdua direman hingga Jumaat ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya.

Beliau berkata, suspek tempatan itu bekerja sebagai pemandu lori dan memiliki satu rekod jenayah lampau berkaitan kesalahan dadah, manakala penumpang belakang terbabit pula tidak bekerja serta tiada rekod jenayah.